



HITAM... Beginilah keadaan Sungai Jelutong di Pulau Pinang yang tercemar teruk.

1.4 juta kes pencemaran punca sungai bersih merosot

TABIAT buruk rakyat Malaysia menjadikan sungai sebagai longkang dengan membuang pelbagai jenis sisa kumbahan dikenal pasti menjadi punca utama jumlah sungai dikategorikan sebagai bersih di negara ini berkurangan kepada 244 batang sungai tahun lalu berbanding 275 tahun sebelumnya.

Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, ia terbukti apabila sebanyak 1.29 juta daripada 1.4 juta kes yang dikenal pasti menjadi punca pencemaran sungai ialah pembuangan sisa kumbahan yang tidak diuruskan dengan baik.

Ia sekali gus menafikan persepsi umum selama ini bahawa buangan sisa industri termasuk dari ladang babi dan pertanian sebagai punca utama pencemaran sungai di negara ini.